

25/11/1999

Dr Hassan akui kagumi Dr Mahathir

PARIT BUNTAR, Rabu - Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr Hassan Ali, mengakui beliau pernah mengagumi kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Dr Hassan yang juga calon Pas bagi kerusi Parlimen Parit Buntar berkata, ketika berkhidmat sebagai pegawai kerajaan, beliau begitu mengagumi Dr Mahathir, terutama keupayaan Perdana Menteri berhujah di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (Chogam) di Kuala Lumpur.

"Saya kagum melihat keupayaan Dr Mahathir mengendalikan Chogam dengan sikap dan bahasa yang sempurna.

"Tetapi sejak kebelakangan ini Dr Mahathir banyak melakukan perkara yang saya tidak dapat terima. Kalau beliau seperti 10 tahun lalu, saya tetap akan bersamanya," katanya di sini hari ini.

Pakar motivasi itu mengulas sikapnya menentang kepemimpinan kerajaan, terutama selepas isu Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga memilih menyertai perjuangan Pas.

Mengenai keputusannya bertanding di kerusi Parlimen Parit Buntar dan Dewan Undangan Negeri Sungai Burung di negeri berlainan, Dr Hassan berkata perkara itu turut dilakukan oleh ramai pemimpin kerajaan, terutama di Sabah dan Sarawak.

"Kenapa tidak ditanya dan dipertikaikan pencalonan itu? Kenapa apabila saya bertanding kawasan DUN dan Parlimen itu yang dipersoalkan," katanya yang sanggup berulang alik sebulan sekali ke sini jika dipilih.

Beliau mendakwa menerima sambutan baik pengundi bukan Melayu walaupun hanya berkempen singkat di sini kerana terpaksa berulang alik ke Sungai Burung.

(END)